



**KPWKM**

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

**PROGRAM**

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2023**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**DEWAN PERDANA FELDA, KUALA LUMPUR/  
8 MAC 2023 (RABU)  
3.00 PETANG – 5.00 PETANG**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan,

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## (A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan berkumpul di **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023**.
2. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tuan / puan yang hadir pada hari ini kerana sesungguhnya, **kehadiran dan komitmen tuan / puan dalam program ini amat bermakna dalam menyokong usaha Kerajaan untuk memperkasakan wanita. Ianya juga merupakan satu bentuk pengiktirafan ke atas peranan dan sumbangan wanita kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.**

**(B) WANITA – AGEN PERUBAHAN DALAM PELAKSANAAN MADANI**

Para hadirin yang saya muliakan,

3. Wanita perlu dihargai dengan penuh kasih sayang sebagai lambang penghormatan. Peranan mereka ini sangat penting dalam kehidupan seharian menyumbang kepada kemajuan negara, pembangunan institusi kekeluargaan dan pengukuh kasih dan sayang dalam masyarakat.
  
4. Dalam era kini, golongan wanita amat diperlukan dan menjadi inspirasi dalam pembangunan negara. Tidak kira bangsa atau latar belakang, wanita kini memacu pelbagai kepintaran dan kepakaran dalam banyak bidang yang menghubungkan sumbangan wanita dalam pembangunan

karakter masyarakat. Wanita juga dianggap insan istimewa dengan kredibiliti, keyakinan dan inovasi. Penglibatan serta sumbangan kaum wanita ke arah memperkasakan diri mereka dalam konteks kemajuan sosio-ekonomi di peringkat tempatan dan antarabangsa membantu kerajaan membangunkan negara.

5. Semangat perjuangan wanita mendepani pelbagai cabaran sejak dahulu lagi telah diterjemahkan oleh pelbagai rumpun bangsa di dunia. Peribahasa “tangan yang menghayun buaian boleh menggoncang dunia” antara manifestasi betapa wanita adalah satu daripada entiti peradaban yang penting. Begitu juga kata-kata bahawa kejayaan lelaki dapat dilihat dari dua perkara iaitu siapa ibunya dan siapa isterinya, juga merakamkan peri pentingnya seorang wanita.

6. Pertautan wanita dalam **menjayakan Malaysia Madani tidak dapat dinafikan. Pertama**, golongan ibu merupakan *home educator* yang memberi didikan awal, bermula di rumah dengan mendedahkan anak menjadi pengguna lestari dan ini sangat konsisten dengan aspek **keMampanan**. Peranan sebegini melahirkan komuniti yang peka kepada alam sekitar. Malah, amalan kelestarian mudah boleh dipraktikkan di rumah seperti penjimatan air atau elektrik. Terima kasih para wanita kerana sentiasa komited, bersemangat dan proaktif dalam memainkan peranan dalam penghijauan bumi demi mewariskan bumi yang lestari kepada generasi akan datang.
  
7. **Kedua**, dalam melaksanakan tugas serta peranan untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara, kadang-kadang kita sentiasa diduga dengan tekanan - tekanan yang mencabar kehidupan kita. Dalam keadaan

tertentu tekanan-tekanan ini juga akan memberi impak positif terhadap kejayaan seseorang wanita. Adakalanya dengan tekanan yang diterima akan menyebabkan wanita berusaha menempuh cabaran tersebut. Namun, perlu diingatkan tidak semua tekanan itu adalah positif dan ada juga masa tekanan yang diterima adalah secara berterusan dan melampau, ini akan menjejaskan kesihatan mental, gaya hidup dan juga kerjaya seorang wanita. Pada masa inilah wanita perlu menguatkan ketahanan diri dengan ilmu, kesabaran serta **keperluan keseimbangan keperluan jasmani dan rohani** sebagai elemen **kesejahteraan** seterusnya mengembangkan potensi cemerlang wanita dengan lebih menyeluruh lagi.

8. **Ketiga**, Laporan Forum Ekonomi Dunia 2020 menyatakan antaranya wanita di Malaysia ini **sangat kreatif, mampu berkomunikasi dengan baik dan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah yang mengagumkan** selaras dengan keperluan pekerjaan masa depan. Ini sejajar dengan konsep keperluan wanita yang **berDaya cipta** dan amat relevan dengan Revolusi Industri 4.0 bagi memastikan wanita dapat terus memberi sumbangan kepada pembangunan negara terutama dalam bidang ekonomi.
  
9. **Keempat, penghormAtan** dan pengiktirafan kepada wanita adalah sesuatu yang dituntut dan diiktiraf. Penghormatan yang diberikan ini adalah melalui ruang dan peluang untuk wanita duduk dan berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki terutamanya dalam komuniti, masyarakat dan seterusnya negara. Selaras dengan konsep yang sama, wanita yang



sentiasa menghormati pandangan serta menghormati idea orang lain akan mengukuhkan lagi persaudaraan dan hubungan baik dalam masyarakat. Perspektif wanita dalam memimpin dan menerajui kepimpinan dalam sesebuah organisasi atau negara memberikan hak dan penghormatan khusus untuk wanita bagi sama-sama mencambahkan idea, kepakaran serta merebut ruang dan peluang dalam pembangunan negara.

10. **Kelima**, *self-confidence is a belief* yang mana kepercayaan diri adalah sebuah **keyakinan** iaitu keyakinan untuk melakukan sesuatu sebagai ciri peribadi yang di dalamnya terdapat kemampuan diri, optimis, objektif, bertanggungjawab, rasional dan realistik. Dengan keyakinan pada diri, wanita akan dapat mencapai segala yang diidamkan. Pada masa yang

sama, wanita berperanan penting untuk bersama – sama membina keyakinan rakyat untuk terus menyokong aspirasi Kerajaan.

11. **Keenam**, sebuah negara yang **Ihsan** akan mengangkat takrifan kebiasaan ke peringkat yang jauh lebih baik. Sifat wanita juga sinonim dengan ihsan yang peduli dan belas kasihan. Dalam laporan *Women in the Workplace 2021* oleh McKinsey & Company menyatakan antaranya ‘..**compared to men in similar positions, women managers are consistently doing more to promote employee well-being—including checking on team members, helping them manage workloads, and providing support for those who are dealing with burnout or navigating work/life challenges**’. Ini menunjukkan sifat ihsan wanita yang lebih ketara. Melalui ihsan, **tanggungjawab sosial yang menyeluruh** dapat dijayakan bagi membangunkan negara tercinta.

(C) **PELAKSANAAN INISIATIF PEMERKASAAN WANITA**

Para hadirin yang saya muliakan,

12. Tema Sambutan Hari Wanita pada tahun ini adalah **KASIH Wanita**. Akronim KASIH iaitu **Kasih Sayang, Akhlak Mulia, Sihat, Ilmu, dan Harmoni** ini sememangnya sangat sinonim dengan peranan dan tanggungjawab seorang wanita sama ada seorang ibu, isteri, atau anak. Seharusnya wanita perlu dikasih dan dihargai atas segala **pengorbanan dan kasih sayang yang telah dicurahkan kepada kita semua.**

13. **Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI)** yang mengenal pasti jurang antara wanita dan lelaki dalam empat (4) sub-indeks merangkumi peluang dan penyertaan ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kehidupan, serta penguasaan politik menunjukkan purata skor 0.707 pada 2021, iaitu 0.7 mata peratus **lebih rendah** berbanding 0.714 pada 2020. Walau bagaimanapun kita tidak seharusnya berputus asa dengan penurunan ini kerana di sebaliknya **pencapaian wanita melebihi lelaki dalam sub-indeks pencapaian pendidikan serta sub-indeks kesihatan dan kehidupan**. Pencapaian wanita sebenarnya jauh berbanding lelaki dalam bidang pendidikan yang mana wanita mendominasi dalam kadar enrolmen kasar peringkat pendidikan rendah, menengah dan tertiar. Di peringkat tertiar, wanita merekodkan 47.5 peratus dan lebih tinggi berbanding lelaki, 33.8 peratus.

14. Usaha yang berterusan diambil oleh Kerajaan bagi merapatkan jurang gender. Keprihatinan Kerajaan dalam merapatkan jurang gender dan memperkasakan wanita boleh dilihat melalui **inisiatif – inisiatif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan.**
  
15. Antaranya, **pindaan ke atas Akta Kerja 1955** berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023 yang mana pindaan ini dibuat adalah bagi meningkatkan dan menambahbaik perlindungan dan kebajikan pekerja di negara ini khususnya wanita serta memastikan peruntukan undang-undang perburuhan di negara ini selaras dengan standard antarabangsa. Pindaan akta ini antaranya meliputi, **waktu kerja seminggu dihadkan kepada 45 jam, cuti bersalin dipanjangkan daripada 60 hari kepada 98 hari, cuti paterniti daripada 3 hari ke 7 hari untuk** suami membantu para isteri

yang baru melahirkan anak, **hak wanita hamil untuk tetap di jawatan yang sama** serta **majikan diwajibkan untuk menampal notis tentang kesedaran gangguan seksual di tempat kerja.**

16. Setiap tahun terdapat **peningkatan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor swasta serta sektor awam.** Bagi sektor swasta, peratus wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas seperti yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia adalah 29 peratus sehingga 31 Disember 2022 berbanding 25 peratus pada tahun 2021. Bagi sektor awam pula, penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas telah meningkat kepada 38.8 peratus pada Disember 2022 berbanding 38.75 peratus pada tahun 2021. Bagi sektor politik pula, walaupun keputusan Pilihan Raya

Umum ke-15 menunjukkan peratus perwakilan wanita dalam Dewan Rakyat menurun daripada 14.9 peratus pada tahun 2021 kepada 13.5 peratus pada tahun 2022, tetapi, kita dapat lihat ada peningkatan jumlah calon wanita yang bertanding di peringkat Parlimen iaitu sebanyak 127 kerusi.

17. Ini menunjukkan **kesediaan** wanita untuk menjadi pemimpin dan **ketepatan fakta mengenai keperluan kepimpinan wanita sebagai salah satu faktor kejayaan penting dalam proses pemerkasaan wanita**. Pelbagai kajian menunjukkan **wanita memainkan peranan yang penting untuk terus cakna perihal keadilan kesaksamaan gender selain memastikan suara, kepentingan dan kesejahteraan wanita dapat didengari serta diambil kira**.

18. Saya percaya bahawa agenda memperkasa wanita merupakan **tanggungjawab bersama semua pihak** dan bukan hanya dipikul oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sahaja. Dalam hal ini, saya ingin **memuji peranan serta inisiatif** yang telah dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam membantu membangun, memperkasa, mengiktiraf kebolehan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara.
  
19. Kerajaan juga amat menghargai **usaha komuniti** yang sentiasa memberikan sokongan kepada program yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Perneriksaan komuniti adalah **selaras dengan konsep Madani** bagi pembangunan negara yang makmur dan sejahtera. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah **menterjemahkan konsep Madani bukan sahaja melalui KASIH Wanita,**



malahan juga melalui **KASIH Keluarga dan KASIH Remaja**. Di bawah KASIH Wanita, komuniti berperanan untuk **melindungi kanak – kanak, membantu mangsa keganasan rumah tangga dan memberi kesedaran mengenai antigangguan seksual**. Pengukuhan masyarakat secara **inklusif** adalah penting untuk kita sama – sama maju dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran global. Inisiatif **Skuad WAJA** di bawah KPWKM adalah inisiatif yang perlu dicontohi yang mana ianya berperanan memberi **panduan** kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita, **memperkasa komuniti** melalui program sokongan sosial dan membantu dalam membina sebuah masyarakat yang saling bantu membantu dan meningkatkan keharmonian.

## (D) PENGUMUMAN INISIATIF PEMERKASAAN KASIH WANITA

Para hadirin yang saya muliakan,

20. Bagi memastikan wanita Malaysia terus diperkasa, sukacita saya mengumumkan **inisiatif-inisiatif pemerkasaan KASIH Wanita** seperti berikut:

### Pertama:

#### i-Sayang

Wanita merupakan tulang belakang keluarga dan tonggak utama dalam pembangunan komuniti dan masyarakat yang sejahtera. Wanita memainkan peranan penting dalam membina dan membentuk nilai-nilai murni dalam keluarga dan generasi masa hadapan.

Seiring dengan peredaran masa dan keperluan hidup, semakin ramai golongan wanita kini menyumbang kepada kesejahteraan kewangan keluarga dan secara tidak langsung membantu dalam pembangunan modal insan dan perkembangan ekonomi negara. Dengan ini, mereka perlu mengimbangkan keutamaan terhadap institusi keluarga dan pembangunan kerjaya. Namun ini tidak sedikit pun menjejaskan peranan dan kepentingan mereka sebagai ibu, isteri, dan pengurus isi rumah.

Sebagai menghargai sumbangan isteri, Kerajaan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja memperkenalkan **i-Sayang, iaitu satu inisiatif yang membolehkan suami untuk memindahkan dua (2) peratus caruman KWSP syer pekerja secara sukarela ke akaun KWSP isteri**. Pindahan ini membolehkan para isteri terutamanya yang tidak bekerja, mempunyai

simpanan persaraan yang akan menjadi sumber pendapatan pada usia emas mereka kelak.

Inisiatif ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan dalam memperkasakan hak dan menjaga kebajikan wanita serta menerapkan nilai kekeluargaan dalam jiwa rakyat selaras dengan konsep Malaysia MADANI yang berteraskan ciri-ciri keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Ini juga merupakan salah satu usaha berterusan Kerajaan untuk **melebarkan lagi jaringan perlindungan sosial kepada institusi keluarga**. Selain itu, ia akan dapat mengeratkan **hubungan kasih sayang dan rasa tanggungjawab** antara suami dan isteri.

Kedua:

Tabung KASIH Rahmah Wanita

Wanita sentiasa menunjukkan mereka tabah, sukar untuk melihat mereka lelah walau hidup didatangi pelbagai masalah, segalanya dilembutkan dengan senyuman di wajah. Namun demikian, sokongan perlu diberikan kepada wanita sekiranya mereka menghadapi masalah.

Oleh itu, sukacita saya mencadangkan **Tabung KASIH Rahmah Wanita** diwujudkan **di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** dan diperuntukkan **sebanyak RM1 juta** bagi membantu golongan wanita yang memerlukan bantuan dalam keadaan terdesak seperti mangsa keganasan rumah tangga yang diselamatkan dan wanita yang diabai oleh ahli keluarga sebelum dibantu oleh agensi seperti **Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Zakat.**

Dengan pelaksanaan ini juga adalah diharapkan ianya dapat **menggalakkan** lebih banyak pihak melaksanakan **tanggungjawab sosial korporat** sekaligus lebih banyak program–program pemerkasaan wanita dapat ditambah baik untuk membantu wanita pada waktu mereka memerlukan sokongan sewajarnya.

**Ketiga:**

**Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual**

Komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam mencapai kesaksamaan gender dan menangani keganasan terhadap wanita telah terbukti apabila Akta Antigangguan Seksual atau AAGS 2022 telah diluluskan. Akta ini

memacu objektif untuk menyediakan persekitaran yang selamat khususnya kepada wanita dan kanak-kanak. AAGS 2022 ini terpakai kepada semua individu tanpa mengira jantina serta mensasarkan agar budaya menormalisasikan gangguan seksual dalam kalangan masyarakat Malaysia dapat dihapuskan bukan sahaja melalui penguatkuasaan akta tersebut, tetapi dibantu oleh program advokasi yang menyeluruh.

**Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual telah dibangunkan** bertujuan menjelaskan pelaksanaan program advokasi berkaitan langkah-langkah pencegahan dan menggalakkan kesedaran tentang gangguan seksual di kalangan semua lapisan masyarakat. Garis Panduan ini merangkumi **pelan tindakan** program advokasi bagi pencegahan gangguan seksual dan pelan tindakan program advokasi bagi kesedaran gangguan seksual. **Modul *Training for***

**Trainers** juga telah dibangunkan yang bertujuan **melatih lebih ramai individu** dalam advokasi antigangguan seksual seterusnya memperluaskan kesedaran masyarakat tentang perkara ini.

Di kesempatan ini, sukacita saya melancarkan **Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual** dan semua pihak seharusnya **memberikan kerjasama sepenuhnya bagi mematuhi Garis Panduan** yang telah dibangunkan ini. Dengan ini, saya memohon kerjasama setiap pihak untuk memastikan Garis Panduan ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Saya juga menyeru semua pihak agar **memaparkan notis antigangguan seksual yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan**



**Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di setiap organisasi atau premis awam dan swasta masing-masing. Ini juga adalah selaras dengan pindaan peruntukan di bawah Akta Kerja 1955.**

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan melaksanakan **advokasi pencegahan dan kesedaran antigangguan seksual secara berperingkat bermula dengan sektor awam diikuti dengan sektor swasta dan komuniti.**

**Keempat:**

**Penyelidikan berkaitan pemerkasaan wanita**

Selaras dengan penemuan Kajian Penilaian Pelaksanaan Inisiatif Sekurang – Kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan yang telah dilaksanakan oleh KPWKM pada tahun 2023, antara

**isu dan cabaran** yang dihadapi oleh wanita ialah **wujudnya elemen diskriminasi, penetapan dasar dan amalan di peringkat organisasi dan sikap individu itu sendiri**. Berdasarkan kajian ini juga, terdapat **keperluan untuk mewujudkan sinergi** antara semua pihak dalam menjayakan pemerksaan wanita. Bagi tujuan tersebut, saya menyokong bahawa **penyelidikan berkaitan wanita perlu dipergiatkan**. Dengan ini, sukacita saya mengumumkan **peruntukan sebanyak RM5 juta di bawah KPWKM** bagi tujuan pengumpulan data, penyelidikan dan penerbitan serta program berkaitan dengan pemerksaan wanita.

Pewujudan platform ini menekankan elemen **kepelbagaian, kesaksamaan dan inklusiviti** selaras dengan **pendekatan memupuk nilai ihsan dan membangunkan masyarakat madani**. Inisiatif

**bersepadu dan kolaboratif** menerusi kerjasama daripada pelbagai sektor dan penyertaan aktif semua pihak penting dalam agenda pembangunan negara. Dasar Wanita Negara serta Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang sedang dalam semakan juga akan ditambah baik mengambil kira suara dan pandangan wanita pelbagai peringkat.

**Kelima:**

**Perluasan Pembangunan Garis Panduan / Tatacara Yang Mewajibkan Pelantikan 30 Peratus Wanita Sebagai Pembuat Keputusan di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD)**

Antara penemuan **Kajian Penilaian Pelaksanaan Inisiatif Sekurang – Kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan** yang telah dilaksanakan oleh KPWKM ialah **hanya 95 syarikat (23.7%) daripada 401 Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Company atau GLC)** mempunyai sekurang–kurangnya 30 peratus ahli Lembaga Pengarah wanita manakala **119 syarikat (29.7%)** mempunyai ahli Lembaga Pengarah lelaki sahaja.

Sementara itu, daripada enam (6) Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Investment Company – GLIC*), hanya **dua (2) GLIC (33.3%)** mempunyai **30 peratus wanita** sebagai ahli Lembaga Pengarah.

Sehubungan itu, dalam usaha berterusan mengiktiraf peranan wanita dalam proses membuat keputusan dan memperkukuh kepimpinan wanita secara lebih menyeluruh, **saya menyeru agar GLC, GLIC serta MKD mengambil tindakan sewajarnya** bagi memastikan **sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan tercapai.**

**(E) UCAPAN PENGHARGAAN**

Para hadirin yang saya muliakan,

21. Memetik kata-kata Allahyarham Tunku Abdul Rahman dalam satu petikan akhbar pada tahun 1987 '**A woman could lead a nation**' menunjukkan kemampuan wanita dalam pentadbiran negara.

22. Kata-kata itu sudah semestinya masih relevan pada zaman sekarang dan juga pada masa yang akan datang kerana **agenda pemerkasaan wanita adalah perjuangan yang tidak akan berakhir**. Cabaran-cabaran baharu yang bakal muncul pada masa akan datang akan menguji kecekalan dan ketabahan para wanita dalam memartabatkan kedudukan wanita melalui agenda pemerkasaan wanita ini.
  
23. Perlu ada elemen keadilan, kesaksamaan serta kesejahteraan tanpa ada individu yang rasa terpinggir. Relevannya **islah dalam perjuangan** adalah perjuangan menegakkan keadilan bagi semua termasuk wanita. Relevannya **islah juga adalah tanggungjawab wanita untuk sama – sama membangunkan Malaysia MADANI**. Dengan pertautan **KASIH Wanita, sudah tentu kejayaan akan menjadi milik semua wanita**.

(F) PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

24. Akhir kalam, dengan kalimah suci “Bismillahir Rahmanir Rahim”, saya merasmikan **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023**.

*Wabillahi taufiq walhidayah*

*Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

**8 Mac 2023**